

02 SEP 1999

SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL TIBA DI MALAYSIA ESOK

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeka Anyaoku akan mengadakan lawatan lima hari mulai esok ke Malaysia.

Kenyataan daripada Kementerian Luar menyatakan lawatan itu adalah sebahagian daripada lawatannya ke beberapa negara Komanwel, untuk berunding dengan ketua-ketua kerajaan bagi persiapan Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) di Durban, Afrika Selatan dari 12 hingga 15 Nov ini.

Semasa lawatannya ke sini, Chief Anyaoku akan bertukar-tukar pendapat dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkaitan pelbagai perkara yang akan dibincangkan semasa CHOGAM di Durban nanti.

Chief Anyaoku yang disertai oleh dua pegawai dari Urusetia Komanwel juga akan menemui Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

-- BERNAMA

SBJ RI